

37 pusat pemindahan dibuka di Johor Bahru

JOHOR BAHRU 20 Dis. - Sebanyak 37 pusat pemindahan sementara dibuka kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh daerah ini berikutan banjir di beberapa kampung di sini semalam.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor, Manayi Ibrahim berkata, setakat ini kira-kira 3,500 orang telah ditempatkan di semua pusat pemindahan sementara dengan diberi segala bantuan.

Beliau berkata, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dengan kerjasama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Johor Bahru turut memberi bantuan.

"Mangsa banjir tidak menghadapi masalah kerana segala kelengkapan termasuk makanan dan minuman disediakan.

"Kita juga memberi bantuan wang tunai RM200 kepada ketua keluarga yang berdaftar di pusat pemindahan banjir bagi membeli kelengkapan untuk keluarga.

"Ada juga mangsa yang berdaftar dan tidak tinggal di pusat pemindahan sebaliknya menumpang sementara di rumah saudara-mara atau rakan-rakan," katanya ketika ditemui Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pu Sze di sini hari ini.

Isteri Tunku Mahkota Johor, Raja Zarith Sofiah hari ini melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di sekolah tersebut.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Johor Bahru, A. Jabar Md. Tahir dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nusajaya, Aziz Sopian.

Raja Zarith meluangkan masa kira-kira sejam bertemu dengan mangsa banjir selain melawat ke Kampung Laut, Skudai di sini yang merupakan salah sebuah kawasan yang teruk dilanda banjir.

Manayi berkata, pihaknya turut mendapat kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Te-

ngah (MPJBT) dalam memberi bantuan kepada mangsa.

Jelas beliau, pihaknya semalam menghadapi masalah untuk menghantar bantuan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan Taman Daya Dua berikutan jalan menuju ke situ dinaiki air.

Katanya, awal pagi ini pihaknya bersama pasukan penyelamat telah menghantar bantuan di sekolah tersebut untuk meringankan beban mangsa yang terpaksa menunggu lama untuk mendapat bantuan.

Tambahnya, beberapa kawasan di Felda Cahaya Baru, Kampung Cahaya Baru dan Kampung Sentosa juga dinaiki air dan seramai 310 orang dari 71 keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Batu 10.

Katanya, orang ramai dinasihatkan mengikuti arahan pihak berkuasa selain segera berpindah ke kawasan selamat jika rumah mereka dinaiki air.